

# 'Tindakan ke atas pemimpin parti lawan bukan muslihat politik'

M. M. - 7 MEI 1978

KUANTAN 6 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak tuduhan kononnya tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap setengah-setengah pemimpin parti lawan ialah untuk menjamin kemenangan UMNO dalam pilihanraya akan datang.

Beliau mensifatkan tuduhan itu sebagai tidak berasas kerana kerajaan juga sanggup mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin UMNO sendiri demi kepentingan undang-undang walaupun tindakan itu tidak popular.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan tidak memilih bulu dalam

menguatkuasakan undang-undang.

Katanya, sesiapa saja — kecil atau besar, dari parti kerajaan atau parti lawan, tetap akan diambil tindakan jika mereka tidak mengikut lunas undang-undang negara.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuantan di tepian gelanggang di sini Datuk Sri Dr. Mahathir berkata keberanian UMNO menentukan sikap seperti itulah yang menyebabkan keistimewaan parti itu dan mengekalkan kuasanya.

Beliau menarik perhatian bahawa pada masa ini bila kerajaan mengambil tindakan terhadap setengah-setengah pemimpin parti lawan yang menyalahi undang-undang timbul tuduhan kononnya tindakan itu adalah untuk muslihat politik supaya parti kerajaan menang pilihanraya.

Katanya, jika untuk mencapai kemenangan pilihanraya dan tidak untuk kepentingan undang-undang, sudah tentu tindakan terhadap beberapa tokoh dalam parti kerajaan tidak diambil kerana ini menyebabkan kerajaan tidak popular.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ahli-ahli UMNO perlu sedar bahawa jika UMNO tidak berpegang kepada undang-undang, ia akan kehilangan sokongan sama ada dari mereka yang tidak bersimpati, orang-orang dari golongan atas pagar dan akhirnya orang-orang parti sendiri.

Sebaliknya UMNO akan tetap teguh dengan ahli dan penyokong yang banyak jika dapat mengekalkan sikap perlu bertindak mengikut peraturan-peraturan yang sudah ditentukan oleh undang-undang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa undang-undang tubuh UMNO sendiri adalah berteraskan kepada prinsip demokrasi yang mementingkan pendapat ahli-ahli biasa.

"Walaupun bagaimanapun pendapat-pendapat itu hendaklah disalurkan mengikut cara-cara yang tertentu dan bukan melalui percakapan di kedai-kedai kopi atau risalah-risalah yang tidak bertandatangan," tegas beliau.